



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI



Unicc  
MAJLIS KOKURIKULUM  
UNIVERSITI/UNIVERSITI MALAYSIA



# MASA DEPAN PEMBELAJARAN KOKURIKULUM

BADAN BERUNIFORM  
KEPIMPINAN & KESUKARELAWANAN  
KEUSAHAWANAN & PENGURUSAN  
SUKAN KEBUDAYAAN & REKREASI  
SAINS, TEKNOLOGI & INOVASI

EDITOR  
Muhamad Mat Noor  
Norkhairani Abdul Rawi



# **MASA DEPAN PEMBELAJARAN KOKURIKULUM**

**BADAN BERUNIFORM**

**KEPIMPINAN & KESUKARELAWANAN**

**KEUSAHAWANAN & PENGURUSAN**

**SUKAN, KEBUDAYAAN & REKREASI**

**SAINS, TEKNOLOGI & INOVASI**

# **MASA DEPAN PEMBELAJARAN KOKURIKULUM**

**BADAN BERUNIFORM  
KEPIMPINAN & KESUKARELAWANAN  
KEUSAHAWANAN & PENGURUSAN  
SUKAN KEBUDAYAAN & REKREASI  
SAINS, TEKNOLOGI & INOVASI**

**EDITOR**

**Muhamad Mat Noor  
Norkhairani Abdul Rawi**

**Penerbit  
Universiti Malaysia Pahang  
Kuantan  
2022**



**Hakcipta © Universiti Malaysia Pahang, 2022**

Cetakan Pertama, April 2022

Hakcipta adalah terpelihara  
Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Penerbit Universiti Malaysia Pahang, Lebuhraya Tun Razak, 26300 Gambang, Kuantan, Pahang Darul Makmur.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-penerbitan

MASA DEPAN PEMBELAJARAN KOKURIKULUM :

BADAN BERUNIFORM, KEPIMPINAN &  
KESUKARELAWAN, KEUSAHAWANAN &  
PENGURUSAN, SUKAN, KEBUDAYAAN & REKREASI,  
SAINS, TEKNOLOGI & INOVASI /  
EDITOR Muhamad Mat Noor, Norkhairani Abdul Rawi.  
ISBN 978-967-2831-46-4

1. Student activities.
  2. College student development programs.
  3. Government publications--Malaysia.
- I. Muhamad Mat Noor. II. Norkhairani Abdul Rawi.  
371.8

Pengarah Penerbit : M. Azli  
Editor : A. Humaira  
Pembaca Pruf : A. Humaira & D. Aziz  
Reka Letak : R. W. Chamie  
Pentadbiran : A. Azianti & F. W. Riann  
Jualan & Pemasaran : N. H.

Diterbitkan Oleh  
**Penerbit**  
Universiti Malaysia Pahang  
Lebuhraya Tun Razak, 26300 Gambang,  
Kuantan, Pahang Darul Makmur.  
Tel: 09-549 3273 Faks: 09-549 3281

Urus Cetak  
**Percetakan Muafakat Jaya Sdn. Bhd** (105038-M)  
6, Jalan Perdagangan 16,  
Taman Universiti Industrial Park,  
81300, Skudai Johor.  
Tel: 07-520 6740 Faks: 07-520 6741

Share | Like | Tag  
Online Shop: <https://msha.ke/penerbitump>  
Official Page (FB) : Penerbit Universiti Malaysia Pahang  
Official IG : Penerbitump

## ISI KANDUNGAN

Editor dan Penulis	vii
Kata Alu-Aluan Pengarah Bahagian Mahasiswa Holistik, KPT	ix
Kata Alu-Aluan Pengerusi UniCC	x
Prakata Sidang Editor	xi
Penghargaan	xiii
Pendahuluan	xv
Perkataan Singkatan	xvii
<b>1) Pembelajaran Kokurikulum Abad ke 21</b>	<b>1</b>
<i>Norkhairani Abdul Rawi, Muhamad Mat Noor</i>	
<b>2) Peranan Kokurikulum di Institusi Pengajian Tinggi dalam Melahirkan Graduan Holistik</b>	<b>7</b>
<i>Ng Ming Yip, Hamdan Mohd Salleh, Azmariana Azman, Md Sairolazmi Saparman</i>	
<b>3) Kokurikulum dari Perspektif Islam</b>	<b>21</b>
<i>Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Nursafra Mohd Zhaffar</i>	
<b>4) Peranan Jurulatih dalam Mengenal Pasti dan Memilih Bakat Melalui Aktiviti Kokurikulum Sukan</b>	<b>35</b>
<i>Syarizal Abdul Rahim, Norailis Ab. Wahab, Nurshadira Mohd Raof, Roselina Ahmad Saufi, Mohd Hafzal Abdul Halim</i>	
<b>5) Penghasilan Video dan Filem Pendek sebagai Kokurikulum Pelajar UMS</b>	<b>51</b>
<i>Rosli Sareya</i>	
<b>6) Kefungsian Aktiviti Kokurikulum Terhadap Pembangunan Sahsiah dalam Kalangan Pelajar di Peringkat Sekolah Menengah</b>	<b>65</b>
<i>Mohd Asnari Taim</i>	
<b>7) Memupuk Pemikiran Kritis dan Kreativiti Melalui Subjek-subjek Kokurikulum</b>	<b>77</b>
<i>Hafzan Ariffin, Norida Abdullah, Norun Najjah Ahmat</i>	
<b>8) Pendidikan Luar Bilik Kuliah: Sebuah Pendekatan Pembelajaran dalam Aktiviti Kokurikulum</b>	<b>85</b>
<i>Mazuki Mohd Yasim, Salwani Hassan, Nur Izura Udzir, Rahimi Che Aman, Hafsa Mohd Yusof</i>	

**9) The Making of Leaders Through Involvement in  
Curricular Activities: A Systematic Literature  
Review**  
*Zuraina Ali*

**99**

Biodata Editor  
Indeks

117

119

## EDITOR DAN PENULIS

M.M.Noor dan A.R.Norkhairani, (Eds.). (2022). *Masa Depan Pembelajaran Kokurikulum*, ISBN 978-967-2831-46-4, Pahang, UMP Press.

M.M.Noor, A.R.Norkhairani, (2022), *Pembelajaran Kokurikulum Abad ke-21*, pp. 1-6, in M.M.Noor dan A.R.Norkhairani, (Eds.). (2022). *Masa Depan Pembelajaran Kokurikulum*, ISBN 978-967-2831-46-4, Pahang, UMP Press.

Ng Ming Yip, Hamdan Mohd Salleh, Azmariana Azman, Md Sairolazmi Sapparman (2022), pp. 7-21, in M.M.Noor dan A.R.Norkhairani, (Eds.), *Masa Depan Pembelajaran Kokurikulum*, ISBN 978-967-2831-46-4, Pahang, UMP Press.

Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Nursafra Mohd Zhaffar (2022) *Kokurikulum dari Perspektif Islam*, pp. 22-34, in M.M.Noor dan A.R.Norkhairani, (Eds.), *Masa Depan Pembelajaran Kokurikulum*, ISBN 978-967-2831-46-4, Pahang, UMP Press.

Syarizal Abdul Rahim, Norailis Ab. Wahab, Nurshadira Mohd Raof, Roselina Ahmad Saufi, Mohd Hafzal Abdul Halim (2022), *Peranan Jurulatih dalam Mengenal Pasti dan Memilih Bakat Melalui Aktiviti Kokurikulum Sukan* pp. 35-50, in M.M.Noor dan A.R.Norkhairani, (Eds.), *Masa Depan Pembelajaran Kokurikulum*, ISBN 978-967-2831-46-4, Pahang, UMP Press.

Rosli Sareya (2022), *Penghasilan Video dan Filem Pendek sebagai Kokurikulum Pelajar UMS*, pp. 51-64, in M.M.Noor dan A.R.Norkhairani, (Eds.), *Masa Depan Pembelajaran Kokurikulum*, ISBN 978-967-2831-46-4, Pahang, UMP Press.

Mohd Asnari Taim (2022), *Kefungsian Aktiviti Kokurikulum terhadap Pembangunan Sahsia dalam Kalangan Pelajar di Peringkat Sekolah Menengah*, pp. 65-76, in M.M.Noor dan A.R.Norkhairani, (Eds.), *Masa Depan Pembelajaran Kokurikulum*, ISBN 978-967-2831-46-4, Pahang, UMP Press.

Hafzan Ariffin, Norida Abdullah, Norun Najjah Ahmat (2022), *Memupuk Pemikiran Kritis dan Kreativiti Melalui Subjek-subjek Kokurikulum*, pp. 77-84, in M.M.Noor dan A.R.Norkhairani, (Eds.), *Masa Depan Pembelajaran Kokurikulum*, ISBN 978-967-2831-46-4, Pahang, UMP Press.

Mazuki Mohd Yasim, Salwani Hassan, Nur Izura Udzir, Rahimi Che Aman, Hafsa Mohd Yusof (2022), *Pendidikan Luar Bilik Kuliah: Sebuah Pendekatan Pembelajaran dalam Aktiviti Kokurikulum*, pp. 85-98, in M.M.Noor dan A.R.Norkhairani, (Eds.), *Masa Depan Pembelajaran Kokurikulum*, ISBN 978-967-2831-46-4, Pahang, UMP Press.

Zuraina Ali (2022), *The Making of Leaders Through Involvement in Curricular Activities: A Systematic Literature Review*, pp. 99-116, in M.M.Noor dan A.R.Norkhairani, (Eds.), *Masa Depan Pembelajaran Kokurikulum*, ISBN 978-967-2831-46-4, Pahang, UMP Press.



## KATA ALU-ALUAN

### PENGARAH BAHAGIAN MAHASISWA HOLISTIK JABATAN PENDIDIKAN TINGGI



Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi di atas keberhasilan buku Masa Depan Pembelajaran Kokurikulum. Pelbagai isu dan cabaran baharu yang perlu ditangani oleh semua pihak memandangkan pelaksanaan aktiviti melibatkan pelajar perlu diambil kira semua elemen norma baharu.

Pelaksanaan kursus kokurikulum melibatkan aktiviti yang merangsang domain psikomotor serta pertemuan secara bersemuka bagi mencapai objektif membentuk pelajar holistik dalam apa-apa jua bidang yang diceburi. Namun, apabila tercetusnya pandemik COVID-19, banyak isu dan cabaran dalam aktiviti kokurikulum timbul. Semua pihak berkepentingan perlu mengambil langkah kreatif bagi memastikan kelangsungan pembentukan sahsiah pelajar melalui kursus kokurikulum masih kekal relevan. Pihak bahagian mahasiswa holistik JPT percaya kemampuan teknologi semasa dapat membantu aspirasi ini masih boleh dicapai apabila isu-isu dan cabaran yang berkaitan dapat dikenal pasti serta ditangani dengan baik.

Penerbitan buku ini bertepatan dengan keperluan semasa yang memerlukan perkongsian idea, serta pandangan yang boleh digembleng bersama untuk menghasilkan pendekatan baharu yang bersesuaian dengan kaedah semasa. Semoga usaha penerbitan buku ini berjaya dijadikan panduan semua pihak dalam mendepani pandemik tanpa menjejaskan aspirasi pembentukan mahasiswa holistik. Syabas saya ucapkan kepada Majlis Kokurikulum Universiti-universiti Malaysia (UniCC) khususnya Sidang Editor serta kumpulan penulis yang telah menyumbang idea dalam penerbitan buku ini.

**DR. MOHD SUZEREN BIN MD JAMIL**

## KATA ALU-ALUAN

### PENGERUSI MAJLIS KOKURIKULUM UNIVERSITI-UNIVERSITI MALAYSIA



Alhamdulillah, dengan izin dan inayah-Nya, penerbitan buku Masa Depan Pembelajaran Kokurikulum. Kokurikulum telah menjadi salah satu elemen penting dalam pembentukan individu yang bakal menjadi ahli masyarakat. Ahli masyarakat yang mempunyai ciri-ciri holistik dapat membentuk kehidupan warga yang lebih harmoni demi kelestarian kehidupan generasi akan datang. Peranan kursus kokurikulum dalam membentuk sahsiah dan keperibadian individu telah terbukti melalui kemenjadian barisan pelapis pemimpin dewasa kini. Sejarah kokurikulum dalam semua peringkat dan lapisan pendidikan di Malaysia telah melalui beberapa penambahbaikan dalam mendepani isu dan cabaran semasa.

Situasi semasa sentiasa memerlukan semua pihak sama ada pentadbir, pengajar serta pelajar mempunyai kebolehan adaptasi dari segi teknologi mahupun pendekatan dalam proses penyampaian ilmu dalam bidang kokurikulum. Isu-isu serta cabaran dalam setiap sudut pelaksanaan kursus kokurikulum dalam situasi semasa perlu dihadam dengan baik bagi memastikan tindakan bersesuaian dapat diambil tanpa mengorbankan matlamat serta objektif kursus kokurikulum.

Buku ini mengumpulkan semua isu dan cabaran yang dihadapi oleh semua pihak dari semua sudut dalam pelaksanaan kokurikulum dalam keadaan norma baharu. Ia menjadi medan perkongsian ilmu baru serta idea bernas bagi dijadikan rujukan serta panduan melaksanakan kursus kokurikulum di luar kebiasaan.

**DR. MAZUKI BIN MOHD YASIM**

# **PRAKATA**

## **SIDANG EDITOR**

Syukur ke hadrat Illahi yang mengizinkan penghasilan buku Masa Depan Pembelajaran Kokurikulum. Kursus kokurikulum merupakan kursus universiti yang wajib diambil oleh semua pelajar. Kursus bersifat sokongan ini membantu dalam pembentukan mahasiswa holistik yang tersedia untuk masa hadapan. Kokurikulum dalam pendidikan di Malaysia telah melalui banyak sejarahnya tersendiri. Pelbagai isu, cabaran serta transformasi telah wujud dalam memastikan kursus ini sentiasa relevan dalam aspirasi pembentukan insan bersifat holistik untuk menerajui negara.

Buku ini menghimpunkan artikel-artikel yang telah ditulis oleh individu seluruh Malaysia yang mempunyai sejarah, pengetahuan, pengalaman serta pandangan jauh berkait dengan kursus kokurikulum di negara kita. Catatan yang dikongsi memberikan gambaran kepada kita bahawa kokurikulum di Malaysia telah melalui anjakan paradigma yang semakin menampakkan kerelevanannya dalam membentuk individu agar menjadi individu yang mempunyai ciri-ciri bagi membangunkan bangsa Malaysia yang lebih baik pada masa akan datang.

Perbincangan dari sudut falsafah pendidikan dalam kokurikulum, peranan semua pihak dalam pelaksanaan kokurikulum dibahaskan dengan begitu baik untuk memastikan ia mudah dihadap oleh setiap pembaca. Isu-isu berkaitan juga dikupas secara terperinci bagi memberikan gambaran situasi semasa dalam kokurikulum. Cabaran-cabaran dalam pelaksanaan kokurikulum turut dibincangkan dalam buku ini. Penulis juga mengemukakan pendapat tentang penambahbaikan kokurikulum untuk dirujuk oleh pihak yang berkepentingan. Sidang editor mengharapkan buku ini dapat memberi manfaat agar kualiti dalam kursus kokurikulum di Malaysia kekal terjaga di semua peringkat.

**MUHAMAD MAT NOOR**  
**NORKHAIRANI ABDUL RAWI**

## PENGHARGAAN

Pihak Sidang Editor dan Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang telah menyumbang artikel bagi membolehkan buku Masa Depan Pembelajaran Kokurikulum ini diterbitkan. Sumbangan idea dan kupasan yang telah dikongsi oleh semua pihak amat bererti dalam memberikan gambaran situasi semasa berkaitan kokurikulum di Malaysia pada semua peringkat pendidikan.

Penghargaan ini didedikasikan khas buat Majlis Kokurikulum Universiti-universiti Malaysia (UniCC) yang telah memberi galakan kepada semua ahlinya untuk menyumbang artikel yang menjadi inti pati kepada buku ini. Malah usaha perkongsian jemputan penulisan yang begitu giat dilaksanakan melalui semua saluran maklumat telah berjaya mengumpulkan sejumlah besar artikel. Perkara ini menjadi bukti bahawa kursus kokurikulum ini masih ada tempat yang istimewa dalam kalangan pendidik pada semua peringkat. Walaupun buku ini dicetuskan saat pandemik melanda, ia tidak melunturkan semangat semua penulis dalam keterbatasan yang ada. Manfaat teknologi dalam talian telah dimanfaatkan sepenuhnya dalam menjadikan penerbitan buku ini menjadi realiti.

Ucapan jutaan terima kasih juga turut ditujukan kepada pihak Penerbit Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang sudi bekerjasama menerbitkan buku yang penuh dengan pelbagai kupasan bermakna untuk dibaca dan dihayati oleh seluruh masyarakat. Perbincangan dan kupasan yang diketengahkan memperlihatkan peri pentingnya kursus kokurikulum bukan sahaja di peringkat institusi pengajian tinggi (IPT) namun pada peringkat-peringkat lain juga. Penerbitan semua artikel ini mampu dijadikan rujukan kepada semua pihak yang berkepentingan.

Penghasilan buku ini diharapkan dapat memberikan inspirasi kepada semua penggiat kursus kokurikulum untuk sentiasa mengatasi semua cabaran yang mendatang dalam pelaksanaan kursus kokurikulum. Buku ini juga bertujuan bagi memberikan idea dan panduan kepada semua untuk sentiasa memanfaatkan semua alatan dan teknologi yang sedia ada dalam memastikan kandungan kursus kokurikulum sampai kepada semua peringkat sasaran. Kursus kokurikulum memainkan peranan penting dalam memastikan hasrat membangunkan modal insan yang holistik bagi mencapai objektif pembangunan kehidupan lestari.

## PENDAHULUAN

Buku Masa Depan Pembelajaran Kokurikulum ini dihasilkan bagi mengumpul maklumat dan input-input yang penting yang berkaitan dengan pelaksanaan kursus kokurikulum di semua peringkat. Perkara yang turut dimuatkan dalam buku ini ialah isu-isu semasa yang dihadapi dalam implementasi kokurikulum. Cabaran-cabaran yang dihadapi turut dibincangkan secara komprehensif. Idea-idea inovatif dalam mengatasi isu-isu serta cabaran yang dihadapi diketengahkan untuk dikongsi kaedah implementasinya pada semua peringkat.

Umum mengetahui bahawa kursus kokurikulum daripada peringkat sekolah rendah hingga ke pengajian tinggi mempunyai matlamat yang jelas; membentuk jati diri bangsa Malaysia yang sentiasa bersedia dalam semua keadaan. Matlamat ini perlu dikekalkan dalam apa-apa jua keadaan. Justeru, pengadaptasian yang bersesuaian mengikut keadaan semasa amatlah perlu bagi tujuan itu. Lantaran itu, penghasilan buku ini bertujuan mendapatkan input-input daripada ahli akademik yang terlibat dalam pengurusan kokurikulum di semua peringkat. Perbincangan berkaitan impak pelaksanaan kokurikulum dalam aspek-aspek tertentu pembangunan individu serta impak pendekatan-pendekatan terkini pelaksanaan kokurikulum menjadi sebahagian daripada kandungan buku ini. Perbincangan diharapkan dapat dijadikan sandaran dan rujukan kepada semua yang berkepentingan dalam memastikan kokurikulum turut berkembang mengikut peredaran semasa.

Buku ini juga mengandungi perkongsian pengalaman daripada IPTA dan IPTS dalam penggunaan teknologi-teknologi terkini sama ada dalam penyampaian atau perkongsian maklumat sama ada dengan pelajar atau dengan komuniti terutamanya dalam platform dalam talian. Malahan input daripada perspektif pelajar dalam pendekatan norma baharu dalam kokurikulum turut diulas oleh beberapa IPTA dan IPTS. Ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa kursus kokurikulum di Malaysia sememangnya mengambil kira pandangan daripada semua pemegang taruh yang terlibat. Keperluan mendapatkan input daripada pemegang taruh memperlihatkan kesungguhan IPTA dan IPTS Malaysia memastikan kursus kokurikulum yang ditawarkan itu dikawal kualitinya agar dapat mencapai objektif yang telah ditetapkan.

Besarlah harapan agar buku ini dapat digunakan oleh semua pendidik khususnya bidang kokurikulum dalam memantapkan lagi pelaksanaan kokurikulum di institusi masing-masing. Hal ini kerana buku ini telah menyediakan perbincangan yang relevan dengan keadaan semasa yang turut mengambil kira sejarah perkembangan kokurikulum dari dulu hingga sekarang.

## PERKATAAN SINGKATAN

AMANI	Aman Pattani Malaysia
APCEIU	Pusat Pendidikan Kesepaduan Antarabangsa
AQRF	<i>ASEAN Qualification Reference Framework</i>
ASEAN	<i>Association of Southeast Asian Nations</i>
CA	<i>Constructive Alignment</i>
CCSL	Pusat Kursus Kokurikulum dan Pembelajaran Servis ( <i>Centre of Co-Curriculum Service Learning</i> )
CIPP	<i>Context, Input, Process, Product</i>
CITrA	Pusat Pencetus Bakat dan Latihan Industri
CLO	Hasil Pembelajaran Kursus ( <i>Course Learning Outcome</i> )
CQI	<i>Continuous Quality Improvement</i>
CS	Kemahiran Berkomunikasi ( <i>Communication Skill</i> )
CSR	<i>Corporate Social Responsibility</i>
CT	Pemikiran Kritis ( <i>Critical Thinking</i> )
DHP	Domain Hasil Pembelajaran
DRP	Daftar Risiko Projek
EM	Etika dan Moral Professional ( <i>Professional Ethics and Moral</i> )
ES	Kemahiran Keusahawanan ( <i>Entrepreneurship Skill</i> )
FPN	Falsafah Pendidikan Negara
GCE	<i>Global Citizenship Education</i>
GCED	<i>Global Citizenship Education Development</i>
HEP	Hal Ehwal Pelajar
HEPA	Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
HEPP	Hal Ehwal Pembangunan Pelajar
HIEPs	<i>High Impact Educational Practices</i>
HPK	Hasil Pembelajaran Kursus
iCGPA	<i>Integrated Cumulative Grade Points Average</i>
ICOSM-THAI	<i>International Community Service Malaysia-Thailand</i>
ICT	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
IIUM	<i>Interntional Islamic University Malaysia</i>
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institusi Pengajian Tinggi Swasta
IR 4.0	Revolusi Industri 4.0
JERI	Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek
JPT	Jabatan Pendidikan Tinggi
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KI	Kemahiran Insaniah
KIM	Kemahiran Insaniah Mesti
KKB	Kursus Kokurikulum Berkredit
KKM	Kerangka Kelayakan Malaysia
KLKM	Kumpulan Latihan Kelanasiswa Malaysia
KPI	<i>Key Performance Index</i>

KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
LKU	Latihan Ketenteraan Umum
LL	Pembelajaran Sepanjang Hayat ( <i>Lifelong Learning</i> )
LOD	Domain Hasil Pembelajaran ( <i>Learning Outcome Domain</i> )
LS	Kemahiran Kepimpinan ( <i>Leadership Skill</i> )
MGIEP	Institut Pendidikan Mahatma Gandhi UNESCO untuk Perdamaian dan Pembangunan Mampan
MOHE	<i>Ministry of Higher Education</i>
MPU	Mata Pelajaran Umum
MQA	Agensi Kelayakan Malaysia ( <i>Malaysian Qualifications Agency</i> )
MQF	<i>Malaysian Qualification Framework</i>
MRA	<i>Malaysia Relief Agency</i>
MTEN	Majlis Tindakan Ekonomi Negara
OBE	Pembelajaran Berasaskan Hasil ( <i>Outcome-Based Education</i> )
Palapes	Pasukan Latihan Pegawai Simpanan
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PBL	<i>Problem Based Learning</i>
PBSM	Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia
PDCA	<i>Plan, Do, Check, Action</i>
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PEO	<i>Program Educational Outcome</i>
PIMUP	Pelan Integrasi Murid untuk Perpaduan
PKPP	Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar
PLO	<i>Program Learning Outcome</i>
PNGK	Purata Nilai Gred Kumulatif
PPA	Pusat Perkhidmatan Akademik
PPBU	Perwakilan Pelajar Beruniform UniSZA
PPHP	Pusat Pembangunan Holistik Pelajar
PPP	Pusat Pembangunan Pelajar / Pusat Pemajuan Pelajar
PPPM(PT)	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi)
PSPTN	Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara
PTj	Pusat Tanggungjawab
PYB	Pihak Yang Bertanggungjawab
RAMS	Sistem Pengurusan dan Penilaian Risiko
SISKOR	Kadet Siswa Siswi Koreksional
SISPA	Kor Siswa-Siswi Pertahanan Awam
SUKSIS	Kor Sukarelawan Siswa-Siswi
TITAS	Tamadun Islam dan Tamadun Asia
TNC	Timbalan Naib Canselor
TS	Kemahiran Kerja Berpasukan ( <i>Teamwork Skill</i> )
TTS	Kursus Tempur Tanpa Senjata

TVET	Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional ( <i>Technical and Vocational Education and Training</i> )
UA	Universiti Awam
UCE	Program Libatsama Komuniti ( <i>University Community Engagement</i> )
UIAM	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
UiTM	Universiti Teknologi Mara
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
UMK	Universiti Malaysia Kelantan
UMP	Universiti Malaysia Pahang
UMS	Universiti Malaysia Sabah
UMT	Universiti Malaysia Terengganu
UniCC	Majlis Kokurikulum Universiti-universiti Malaysia ( <i>Malaysian Universities Co-Curricular Council</i> )
UniMAP	Universiti Malaysia Perlis
UNIMAS	Universiti Malaysia Sarawak
UniSZA	Universiti Sultan Zainal Abidin
UNY	Universitas Negeri Yogyakarta
UPM	Universiti Putra Malaysia
UPNM	Universiti Pertahanan Negara Malaysia
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
USIM	Universiti Sains Islam Malaysia
USM	Universiti Sains Malaysia
UTeM	Universiti Teknikal Malaysia Melaka
UTHM	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
UTM	Universiti Teknologi Malaysia
UUM	Universiti Utara Malaysia

## PEMBELAJARAN KOKURIKULUM ABAD ke-21

*Norkhairani Abdul Rawi (UniSZA), Muhamad Mat Noor (UMP),*

Landskap baru pendidikan memperlihatkan anjakan paradigma yang agak besar dalam banyak aspek. Pendidikan era baru menuntut komitmen yang lebih besar daripada semua yang terlibat. Pembentukan individu holistik dan berciri global merupakan matlamat akhir dalam pendidikan abad ke-21. Pelajar bukan sahaja menjadi penerima input pendidikan namun turut terlibat secara aktif dalam merencana corak pembelajaran berdasarkan kepada keperluan dan kemampuan individu.

Pendidikan dalam era revolusi industri 4.0 (IR 4.0) menuntut keperluan utama, iaitu pembelajaran sepanjang hayat dan kemampuan belajar kemahiran baru dengan cepat untuk membolehkan individu kekal berkembang maju dalam perubahan yang berlaku. Pengajar atau fasilitator mesti memastikan mereka peka dengan perubahan semasa serta bersedia untuk melalui proses latihan semula bagi menghadapi pembaharuan dalam dunia pendidikan. Pendidikan hari ini bukan lagi berkisar tentang pendidikan berjaga-jaga (*Just in Case Education*), yang mana pelajar diberikan fakta dan angka bagi panduan seandainya sesuatu berlaku dan relevan kepada individu tersebut tetapi yang kita perlukan kini ialah pendidikan tepat waktu (*Just in Time Education*), yang mempunyai tiga ciri utama, iaitu (Swaniker, F. dalam Morisson, R, 2018):

- (a) Ia tidak pernah berhenti. Ia sepanjang hayat; anda akan selalu belajar.
- (b) Ia difokuskan pada belajar bagaimana belajar dan belajar bagaimana menyelesaikan masalah.
- (c) Anda belajar dengan pelbagai cara, bukan hanya di dalam kelas. Anda belajar daripada projek, anda belajar daripada kajian lapangan, anda belajar daripada pakar wawancara, anda belajar daripada eksperimen dan prototaip, dan dengan pelbagai cara lain.

Perubahan landskap pendidikan ini turut memberi kesan kepada kursus kokurikulum yang turut perlu bergerak seiring perkembangan semasa. Pada era dunia yang dilingkari dengan kecerdasan buatan, robotik dan IR 4.0, pengajar atau fasilitator harus mempersiapkan individu yang bersedia untuk ketidakpastian dan berusaha meningkatkan kelincahan dan kemampuan menyesuaikan diri dengan perubahan. Masa depan pendidikan yang turut melibatkan kursus-kursus kokurikulum perlu bersedia dengan beberapa pembaharuan dalam landskap pendidikan. Henny, C. (2016) dalam artikelnya menggariskan sembilan perubahan yang dijangkakan dalam pendidikan masa hadapan yang turut memberi tempas kepada kursus kokurikulum. Perubahan tersebut adalah seperti berikut:

# PERANAN KOKURIKULUM DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI (IPT) DALAM MELAHIRKAN GRADUAN HOLISTIK

Ng Ming Yip (UniSEL), Hamdan Mohd Salleh (UniSEL),  
Azmariana Azman (IDE Selangor), Md Sairolazmi Saparman (Sunway College)

## ABSTRAK

Banyak kajian lepas telah dijalankan mengenai keberkesanan kokurikulum dalam membantu membentuk keperibadian pelajar dan membantu meningkatkan pencapaian akademik pelajar. Dalam era pembangunan abad ke-21, masyarakat dan negara amnya menuntut supaya Institusi Pengajian Tinggi (IPT) melahirkan graduan yang berkualiti dan cemerlang secara holistik. Peranan kokurikulum perlu diberi perhatian yang sewajarnya oleh pihak kerajaan dalam pembentukan pelajar sama ada di sekolah mahupun di IPT secara berkualiti kepada pasaran tenaga kerja. Ia juga merupakan salah satu usaha penting untuk merealisasikan wawasan negara ke arah pembangunan modal insan yang holistik yang dapat menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan negara secara keseluruhan. Kertas ini membincangkan peranan kokurikulum dalam pembentukan graduan yang holistik daripada pelbagai aspek. Kokurikulum dapat meningkatkan kemahiran komunikasi, kemahiran kepimpinan dan kemahiran berkumpulan seseorang pelajar. Di samping itu, kokurikulum juga dapat membentuk keterampilan imej diri pelajar secara positif dan bertindak sebagai medium untuk pembelajaran melalui pengalaman atau *experiential learning*. Kokurikulum juga dapat mengeratkan integrasi dalam kalangan pelajar yang berbilang kaum. Universiti Selangor (UNISEL) sebagai contoh IPT melalui Dasar Mahasiswa Budiman sedang berusaha membina kerangka fikiran manusia yang akan menjadi pemimpin budiman yang luar biasa, mempunyai jati diri dan kemahiran analisis yang holistik. Usaha ini berhasrat membentuk bukan sahaja warga Malaysia, malah untuk warga dunia dalam dekad akan datang.

**Kata kunci:** peranan kokurikulum, Institusi Pengajian Tinggi (IPT), graduan holistik.

## PENDAHULUAN

Dasar Perlaksanaan Kegiatan Kokurikulum memberi definisi kokurikulum sebagai kegiatan yang dirancang daripada proses pengajaran dan pembelajaran di luar bilik darjah (kurikulum) yang memberikan murid peluang untuk menambah, mengukuhkan dan mengamalkan kemahiran serta nilai-nilai yang dipelajari di bilik darjah. Manakala menurut Seksyen 18, Akta

# KOKURIKULUM DARI PERSPEKTIF ISLAM

**Wan Ali Akbar Wan Abdullah** (UKM),  
**Nursafra Mohd Zhaffar** (Kolej Komuniti Kuala Pilah)

## ABSTRAK

Kertas konsep ini cuba merungkai perbincangan mengenai kokurikulum dari sudut Islam. Perbincangan melihat kepada tiga bidang utama kokurikulum, iaitu; kelab dan persatuan, badan beruniform serta sukan dan permainan. Perbincangan turut diperincikan kepada enam aspirasi kokurikulum; pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran komunikasi dwibahasa, etika dan kerohanian serta identiti nasional. Umumnya, perbincangan mengenai bidang dan aspirasi kokurikulum bertepatan dengan konsep dalam Islam dan amalan sunnah Rasulullah. Walau bagaimanapun, terdapat ruang dalam amalan yang boleh diperhalusi dan ditambah baik agar berada dalam kerangka syariah.

**Kata kunci:** Bidang kokurikulum, aspirasi kokurikulum, perspektif Islam

## PENGENALAN

Menurut Kamus Dewan [1], kokurikulum bermaksud kurikulum yang merupakan sebahagian daripada kurikulum asas; kegiatan (aktiviti) ~ kegiatan atau aktiviti selain mata pelajaran yang diajarkan dalam bilik darjah, tetapi dianggap sebagai sebahagian daripada kursus pendidikan pelajar di sekolah. Berpandukan dasar pendidikan kebangsaan, aktiviti kokurikulum ialah lanjutan daripada proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah dan bertujuan untuk mempelbagaikan pengetahuan dan pengalaman murid dalam memperkembangkan intelek, minat, bakat, jasmani dan rohani ke arah pembangunan kepimpinan murid, pembentukan nilai estetika, jati diri serta nilai sosial yang positif [2]. Selaras dengan tujuan pengenalan kokurikulum ini, pelbagai program kokurikulum disusun agar dapat menjadi sokongan terhadap kemahiran-kemahiran lain yang ingin dibina dalam kerangka kurikulum [3], [4].

## BIDANG UTAMA KOKURIKULUM DAN CONTOH PERTUBUHAN

Kokurikulum mempunyai tiga bidang utama, iaitu; kelab dan persatuan, pasukan badan beruniform serta sukan dan permainan [3]. Ketiga-tiga bidang utama mempunyai sub bidang tersendiri. Jadual berikut memaparkan bidang, subbidang dan contoh pertubuhan bagi setiap subbidang kokurikulum:

# PERANAN JURULATIH DALAM MENGENAL PASTI DAN MEMILIH BAKAT MELALUI AKTIVITI KOKURIKULUM SUKAN

Syarizal Abdul Rahim (UMK), Norailis Ab. Wahab (USIM),  
Nurshadira Mohd Raof (UMK), Roselina Ahmad Saufi (UMK),  
Mohd Hafzal Abdul Halim (UMK)

## ABSTRAK

Identiti penting untuk individu terutamanya pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT). Namun, persoalannya bagaimana konsep identiti ini membantu jurulatih dalam melahirkan persepsi secara jelas sewaktu menilai mereka yang terlibat dalam kokurikulum sukan? Jurulatih berada dalam posisi untuk membimbing atlet muda dan membantu mereka membentuk identiti sebagai pemain bagi mewakili universiti serta bermanfaat dalam kerjaya pada masa hadapan. Penting bagi jurulatih melihat mereka secara keseluruhan dan sentiasa menyokong penglibatan mereka. Apa yang dikatakan kepada atlet muda secara langsung dapat mempengaruhi perasaan mereka terhadap diri mereka sendiri dan dapat mempengaruhi kemampuan mereka untuk bertahan dalam menghadapi cabaran dalam merangkul gelaran dalam pertandingan. Oleh yang demikian, kajian ini akan memfokuskan kepada; (i) mengenal pasti sejauh mana peranan jurulatih kepada penglibatan atlet universiti; dan (ii) menilai keutamaan persepsi jurulatih dalam kokurikulum sukan di Malaysia. Seramai 32 jurulatih telah memberikan maklum balas tentang perihal kokurikulum sukan ini melalui borang soal selidik yang diedarkan. Dapatan kajian menunjukkan menurut persepsi jurulatih, prestasi atlet universiti menjadi keutamaan ( $\text{min}=5.3531$ ,  $\text{s.p.}=0.7421$ ), diikuti oleh aktiviti dan fokus untuk mengembangkan bakat mereka ( $\text{min}=5.0900$ ,  $\text{s.p.}=0.9111$ ). Pengenalpastian dan pemilihan bakat berada pada kedudukan terakhir merujuk kepada Jadual 1 ( $\text{min}=4.8750$ ,  $\text{s.p.}=0.9858$ ). Apabila jurulatih yakin dengan potensi atlet universiti dalam bidang ini, mereka cenderung untuk terus mencari platform pertandingan yang sesuai dengan bakat. Setelah ada kemajuan yang konsisten, baru diusahakan untuk mencari kumpulan-kumpulan atlet universiti dan jurulatih untuk menimba ilmu dan pengalaman-pengalaman kokurikulum sukan berkaitan. Namun begitu, tidak cukup dengan usaha-usaha jurulatih untuk berjaya, minat yang mendalam disertai dengan komitmen tinggi yang berterusan dan disiplin sangat diperlukan untuk terus berada dalam lapangan sukan. Faktor-faktor ini penting bagi pelajar IPT mencapai kecemerlangan sebagai atlet sukan universiti.

**Kata kunci:** Jurulatih, kokurikulum, sukan, atlet universiti, pengembangan bakat

# PENGHASILAN VIDEO DAN FILEM PENDEK SEBAGAI KOKURIKULUM PELAJAR UMS

Rosli Sareya (UMS)

## ABSTRAK

Video dan filem merupakan medium pengajaran dan pembelajaran yang banyak membantu para pelajar mahupun tenaga pengajar menerusi teori dan praktikal. Kajian ini memfokuskan kepada proses pengajaran pembelajaran berasaskan kepada penghasilan sesebuah video atau filem pendek bermula daripada idea hinggalah kepada terbentuknya sebuah video atau filem pendek. Menerusi kajian ini juga, sebanyak dua kelas kursus kesenian kokurikulum; kursus penulisan skrip drama dan kursus lakon layar yang telah mengikuti dan memberikan maklum balas yang baik dengan penghasilan dua jenis video, iaitu video korporat dan filem pendek. Perlaksanaan kuliah secara teori dan praktikal dalam penghasilan video dan filem ini mampu menonjolkan kreativiti dan bakat pelajar. Menerusi pemerhatian, ia membuktikan bahawa para pelajar mampu menghasilkan kedua-dua buah video tersebut dengan baik di samping menerapkan kemahiran keperibadian dan kerja berkumpulan seperti kepimpinan, kerjasama berpasukan, komunikasi dan pembelajaran berterusan. Selain itu, pembikinan video banyak membantu pelajar memudahkan aktiviti pembelajaran sekali gus membuatkan pelajar lebih seronok untuk belajar. Ini dapat dilihat menerusi penggunaan video tersebut yang diguna pakai oleh pihak sekolah dalam laman sesawang sekolah berkenaan. Akhir sekali, pelajar dalam bidang ini berpeluang untuk berkecimpung dalam industri perfileman sesuai dengan bakat.

**Kata kunci:** Pembikinan video, elemen naratif, bahasa filem, video korporat, filem pendek.

## PENGENALAN

Perkembangan dalam era teknologi maklumat dan komunikasi berlaku dengan sangat pantas dan meluas sehingga memberi kesan kepada aspek kehidupan, tidak terkecuali dalam bidang pendidikan. Selaras dengan itu, ia sedikit sebanyak mengubah cara hidup manusia terutamanya dalam dunia pendidikan bermula dari peringkat awal hingga pendidikan tertinggi. Keadaan ini banyak membantu proses pengajaran dan pembelajaran di dalam mahupun luar bilik kuliah dan menjadikan proses tersebut bersifat globalisasi serta ke arah pembelajaran sepanjang hayat. Kini, pandemik COVID-19 menjadi penyebab utama masyarakat global menggunakan pelbagai aplikasi

# KEFUNGSIAN AKTIVITI KOKURIKULUM TERHADAP PEMBANGUNAN SAHSIAH DALAM KALANGAN PELAJAR DI PERINGKAT SEKOLAH MENENGAH

Mohd Asnari Taim (UMS)

## ABSTRAK

Dewasa kini, permasalahan akhlak murid kurang terbentuk akibat daripada kurang penekanan terhadap pembangunan sahsiah dalam diri. Sekolah bukan sekadar sebuah institusi pendidikan yang berteraskan akademik mata pelajaran semata-mata, malah turut menjadi institusi dalam pembentukan atau pembangunan sahsiah pelajar. Hal ini jelas seperti yang termaktub dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Selain kurikulum, aktiviti kokurikulum juga dilihat sangat penting bagi membentuk akhlak yang mulia dalam kalangan murid di sekolah. Kokurikulum memainkan peranan penting dalam sistem pendidikan sesebuah sekolah kerana berupaya membantu memupuk sahsiah dan pembentukan perpaduan. Penyertaan murid dalam kokurikulum dapat menyemai perasaan muhibah, perpaduan, integrasi nasional dan menyemai nilai-nilai murni secara langsung atau tidak langsung ketika menyertai aktiviti-aktiviti kokurikulum tersebut. Persepsi negatif terhadap pelaksanaan kokurikulum di sekolah hendaklah dikikis. Setiap pihak yang berkenaan seperti guru-guru dan ibu bapa hendaklah berfikiran terbuka terhadap pelaksanaan kokurikulum ini. Hal ini disebabkan kokurikulum saluran kepada perkembangan bakat, sifat kreativiti, bakat dan potensi murid ke tahap yang maksimum. Oleh yang demikian, pelaksanaan kokurikulum ini hendaklah dirancang dengan rapi dan dijalankan dengan serius oleh semua pihak.

**Kata kunci:** kokurikulum, penglibatan kokurikulum, pembangunan sahsiah dan sekolah menengah

## Pengenalan

Institusi pendidikan yang diwujudkan di sesebuah negara merupakan sebuah platform bagi mendidik anak-anak menjadi modal insan yang berjaya dan memahami erti hidup berbudaya agar dapat menyampaikan ideologi kebangsaan kepada masyarakat melalui penerapan kefahaman nilai-nilai positif dalam perpaduan kaum terutama terhadap kelompok generasi muda masa kini. Bidang kurikulum dan kokurikulum hendaklah diseimbangkan dan diselaraskan dalam sistem pendidikan sesebuah institusi pendidikan atau khususnya di peringkat sekolah bagi mewujudkan satu pendidikan yang seimbang dan sempurna. Kokurikulum dan kurikulum merupakan dua elemen utama dalam pembangunan modal insan yang berjaya diseimbangkan dari

# MEMUPUK PEMIKIRAN KRITIS DAN KREATIVITI MELALUI SUBJEK-SUBJEK KOKURIKULUM

*Hafzan Ariffin (UTEM), Norida Abdullah (UTEM), Norun Najjah Ahmat (UTEM)*

## ABSTRAK

Dua ciri dikaji di dalam artikel ini, iaitu pemikiran kritis dan kreativiti. Keduanya merupakan antara ciri-ciri yang penting dan perlu seiring dalam diri mahasiswa untuk menghasilkan graduan yang mempunyai kemahiran insaniah. Perkara ini sering ditekankan dalam pelan pembangunan pendidikan pengajian tinggi untuk diterapkan dalam kalangan pelajar sama ada dalam bentuk akademik mahupun luar kuliah. Perbincangan merangkumi strategi, faktor serta kepentingan menerapkan dua elemen ini di dalam subjek-subjek kokurikulum. Di samping itu, penekanan teori kedua-dua pemboleh ubah tersebut turut ditekankan dalam menghasilkan graduan yang berkualiti. Setiap faktor yang diulas disertakan contoh-contoh pembelajaran yang dihasilkan oleh pelajar di dalam kelas.

**Kata kunci:** *Kreativiti, pemikiran kritis, subjek kokurikulum*

## Pengenalan

Kemahiran berfikir secara intelek diperlukan untuk memperoleh kejayaan dalam konteks kehidupan individu dengan persekitaran dunia globalisasi. Kecerdasan intelektual boleh mengaplikasikan kemahiran yang dimiliki oleh mereka dengan mengadaptasi kesesuaian norma pekerjaan mahupun dalam konteks kehidupan. Manusia intelektual mengatasi kelemahan mereka dengan mencari inisiatif untuk mengimbangi kekurangan tersebut dengan pelbagai senarai kaedah-kaedah penyelesaian.

Dalam dunia pengajaran dan pembelajaran pula, pengujian intelektual ini diukur di dalam mahupun di luar bilik kuliah. Menurut Sternberg, Jarvin dan Grigorenko (2009), keupayaan untuk pelajar menghasilkan daya intelektual ini mampu membuat pelajar lebih berfikir secara analitikal, kreatif dan pratikal. Manakala Almeida, Pedrosa de Jesus & Watts, (2011) telah menunjukkan bahawa analitikal, kreativiti dan keupayaan praktikal berhubung kait dengan persoalan, pemikiran kritis dan kreativiti.

## Definisi

Pemikiran kritis ialah satu bentuk analisis yang bermatlamat dilakukan terhadap fakta untuk membentuk suatu penaaakuan dan berfikir untuk membuat sesuatu keputusan (Glaser, 2017). Tindak balas ini memerlukan

# PENDIDIKAN LUAR BILIK KULIAH: SEBUAH PENDEKATAN PEMBELAJARAN DALAM AKTIVITI KOKURIKULUM

Mazuki Mohd Yasim (UPSI), Salwani Hasan (PPD, Batang Padang),  
Nur Izura Udzir (UPM), Rahimi Che Aman (USM), Hafsa Mohd Yusof (UIAM)

## PENGENALAN

Pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam aktiviti kokurikulum merupakan suatu proses perpindahan ilmu yang berperanan untuk meningkatkan nilai-nilai murni, pembangunan sahsiah dan peribadi, kemahiran berkomunikasi, keterampilan, penghayatan nilai-nilai murni dan sejarah serta pendedahan kepada bidang pengetahuan umum yang lebih luas skopnya melampaui batas-batas disiplin ilmu tradisional. Pelbagai pendekatan dan kaedah digunakan dalam proses PdP bagi membolehkan pelajar mencapai hasil pembelajaran yang diharapkan.

Salah satu pendekatan pembelajaran yang popular dan sering kali digunakan dalam aktiviti kokurikulum ialah melalui pendidikan luar bilik kuliah yang menekankan pengalaman secara langsung pelajar di alam sebenar. Pendekatan ini menjadi satu platform pelaksanaan kuliah bagi kursus-kursus komponen sukan, beruniform, kebudayaan atau kursus-kursus yang memerlukan penglibatan di lapangan secara langsung. Pelaksanaan kuliah melalui kaedah ini akan memberikan hasil pembelajaran yang memuaskan kerana ia tidak menerapkan unsur pertandingan, menggalakkan kepuasan sendiri individu, melibatkan penerokaan di alam sebenar secara aktif, diselang-selikan dengan cabaran yang terkawal dan menyeronokkan.

## DEFINISI PENDIDIKAN LUAR BILIK KULIAH

Apakah maksud pendidikan luar bilik kuliah? Pendidikan luar bilik kuliah merupakan suatu pendekatan pengajaran yang terancang dan berstruktur, berpusatkan pelajar dengan tujuan menyokong dan mengukuhkan proses pembelajaran pelajar melalui aktiviti *hands on* (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2006). Melalui konsep pendekatan ini, pelajar diberi peluang untuk merasai dengan mengalami sendiri melalui aktiviti menyentuh, merasa, menghidu, melihat dan mendengar dengan tujuan memperkayakan lagi pengalaman dan pengetahuan mereka.

# THE MAKING OF LEADERS THROUGH INVOLVEMENT IN CURRICULAR ACTIVITIES: A SYSTEMATIC LITERATURE REVIEW

Zuraina Ali (UMP)

## ABSTRACT

The Behaviourist theory explains that leaders are made and not born. Furthermore, the theory describes that an individual can become a leader when he or she is taught how to become one. The theory also suggests that learning through observation enables one to develop themselves as leaders. Therefore, the current systematic literature reviews investigate ways that university students can become leaders by participating in curricular activities. The study used PRISMA as the method to review the literature that was found on the described topic. Ten articles were employed to review the contents that were related to the area of the study. The systematic literature review found three (3) themes and six (6) sub-themes in which students can become leaders by involving themselves in the curricular activities. The study is significant for students who want or have the potential to become leaders in the future.

## INTRODUCTION

The systematic literature reviews, as in the current study, investigate students' involvement in the curricular activities that make them able to become leaders. Their involvement when they participate in the activities can be directly or indirectly related to the organisations that they enrol or otherwise. It is believed that by participating in societies at the university, the students can be trained to become good leaders, since the activities teach or coach them to manage their team members. Even if they are not capable of becoming leaders, the curricular activities may develop or sharpen their social skills. The proceeding discussion includes explaining the descriptions of literature review in brief and the purpose of conducting a systematic literature review.

### **Systematic literature review in brief**

Citing Cochrane's systematic literature review as the most appropriate description to explain the nature of the task, explicitly it started with having at least a formulated question that requires a load of literature to be reviewed [1]. The process requires a researcher to critically assess relevant research, and collect and analyse data from the collected studies. Meta-analysis that

## BIODATA EDITOR



Muhamad Mat Noor merupakan mantan Pengarah Pejabat SUARA UMP dari Februari 2020 hingga November 2020. Beliau menyandang jawatan sebagai Pengarah Penerbit UMP dari November 2018 sehingga Januari 2020 dan pernah memegang jawatan sebagai Dekan Pembangunan Pelajar UMP dan Pengarah Pusat Akademik dan Kerjaya German. Beliau ahli akademik dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dari tahun 2006 hingga kini. Selepas menamatkan pengajian di UPM (1995), beliau terus berkhidmat di Sony selama hampir 12 tahun dan kemudian menyambung pengajian ke peringkat PhD di USQ, Australia. Beliau telah menerbitkan lebih daripada 400 penulisan akademik dan memegang beberapa hak paten. Salah seorang pengasas dan juga ketua pengarang IJAME dari 2008 sehingga 2018 dan ketua pengarang JMES dari tahun 2014 sehingga 2018. Beliau juga sering menjadi hakim dan juri untuk pertandingan reka cipta di seluruh Malaysia dan pernah dilantik sebagai Penasihat Pusat Sitasi Malaysia (MCC), KPT dan juga Pengerusi Jawatankuasa Jurnal MAPIM. Beliau juga Ahli Jawatankuasa Anugerah Akademik Negara (Kategori Buku Ilmiah).



Norkhairani Abdul Rawi dilahirkan pada 19 Oktober 1975 di Felda Bukit Bading, Ajil, Terengganu. Beliau mendapat pendidikan Ijazah Sarjana Muda di UKM dalam jurusan Teknologi Maklumat bidang pengkhususan Sains Maklumat. Beliau mula berkhidmat di Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA) pada Mei 1998 sehingga KUSZA dinaik taraf kepada Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA). Selama lebih 22 tahun berkhidmat, beliau telah terlibat dengan banyak aktiviti sama ada di peringkat universiti, kebangsaan dan antarabangsa. Buku ini merupakan sebahagian daripada tugas-tugas beliau dalam bidang kokurikulum dan diharapkan dapat dijadikan panduan kepada semua pihak yang berkepentingan.

## INDEKS

### A

Abad ke-1, 4, 9, 12, 71  
Akhlak 17, 30, 65, 69, 70,  
Amanah 27  
Aspirasi 21, 24, 30, 32, 66

### D

Dasar kokurikulum 8, 18  
Daya usaha dan inovasi 82  
Digital 110

### E

Etika 3, 21, 29, 30

### F

Falsafah pendidikan 65, 67, 72

### H

Hasil pembelajaran 15, 91, 92  
Holistik 9, 18, 52, 87

### I

Identiti Nasional 21, 24, 31  
Inovasi 78, 81, 83

### K

Kebudayaan 9, 67, 85  
Kemahiran Insaniah 4, 45, 77  
Kepimpinan 3, 8, 12, 95  
Keselamatan 59, 86  
Kognitif 8, 66, 88, 89  
Komunikasi 11, 14, 27, 52  
Kreativiti 15, 77, 79, 82

### M

Manusiawi 10, 29  
Modal insan 9, 65, 72, 81

### P

Pemikiran kritis 4, 77, 82  
Pengajaran dan pembelajaran 12,  
52, 68, 92  
Perpaduan 16, 73, 95

### R

Rakan sebaya 12, 40, 68  
Revolusi Industri 4.0 9, 18  
Risiko 12, 45, 80, 87

### T

Teknologi 3, 52, 81, 86

# MASA DEPAN PEMBELAJARAN KOKURIKULUM

BADAN BERUNIFORM  
KEPIMPINAN & KESUKARELAWANAN  
KEUSAHAWANAN & PENGURUSAN  
SUKAN KEBUDAYAAN & REKREASI  
SAINS, TEKNOLOGI & INOVASI

---

Buku ini menghimpunkan artikel-artikel yang telah ditulis oleh individu seluruh Malaysia yang mempunyai sejarah, pengetahuan, pengalaman serta pandangan jauh berkait dengan kursus kokurikulum di negara kita. Catatan yang dikongsi memberikan gambaran kepada kita bahawa kokurikulum di Malaysia telah melalui anjakan paradigma yang semakin menampakkan kerelevanannya dalam membentuk individu agar menjadi individu yang mempunyai ciri-ciri bagi membangunkan bangsa Malaysia yang lebih baik pada masa akan datang.

Penghasilan buku ini diharapkan dapat memberikan inspirasi kepada semua penggiat kursus kokurikulum untuk sentiasa mengatasi semua cabaran yang mendatang dalam pelaksanaan kursus kokurikulum. Buku ini juga bertujuan bagi memberikan idea dan panduan kepada semua untuk sentiasa memanfaatkan semua alatan dan teknologi yang sedia ada dalam memastikan kandungan kursus kokurikulum sampai kepada semua peringkat sasaran. Kursus kokurikulum memainkan peranan penting dalam memastikan hasrat membangunkan modal insan yang holistik bagi mencapai objektif pembangunan kehidupan lestari.



ISBN 978-967-2831-00-0



9 789672 831000